

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' OTHMAN BIN AZIZ
KAWASAN : JERLUN

SOALAN:

YB. DATO' OTHMAN BIN AZIZ (JERLUN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status perancangan Jalan Pantai dari Kuala Kedah ke Kuala Sanglang bagi mengatasi kesesakan Jalan Putra dari Alor Setar ke Kangar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop pelaksanaan projek membina Jalan Pesisiran Pantai dari Kuala Sanglang ke Kuala Kedah sepanjang 21.3km telah dibahagikan kepada 4 pakej dan dibuat secara berfasa. Pembinaan Pakej 1 iaitu jalan dari Kuala Kedah ke Kampung Padang Garam sepanjang 5.4km dengan reka bentuk piawaian JKR R5 telah siap dibina pada tahun 2012. Manakala pakej-pakej lain telah dirancang untuk dilaksanakan secara berperingkat iaitu melibatkan jajaran Kg. Padang Garam ke Kg. Kuau Jawa (Pakej 2 / 8.4 km), Kg. Kuau Jawa ke Kg. Baharu (Pakej 3 / 4.6 km), dan dari Kg. Baharu ke Kuala Sanglang (Pakej 4 / 2.9km). Projek ini telah dipohon kepada Agensi Pusat untuk kelulusan peruntukan dalam tempoh RMKe-11 (2016 – 2020).

Sekian, terima kasih.